

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**DI**  
**MAJLIS MINUM PETANG ALUMNI BERSAMA NAIB CANSOLOR**  
**SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-3 SIDANG KEDUA**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
**PADA HARI JUMAAT, 23 JANUARI 2009 DI HOTEL VISTANA, KUANTAN**

---

**SALUTASI**

Yang Berusaha Pengacara Majlis,  
Saudara Mohd Adam bin Salam;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Sabarudin bin Mohd,  
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Rosli Bin Yunus,  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham,  
Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni;

Yang Berusaha Saudara Syed Mohd. Hamzah al-Junid,  
Presiden Persatuan Alumni UMP;

Yang Berbahagia Pendaftar, Bendahari dan Ketua Pustakawan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Saudara Mohd. Sufi bin Kamari,  
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Yang Diraikan warga alumni UMP;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.

## **KATA PEMBUKA**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Taala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya telah berpeluang untuk bertemu dan bermesra dengan warga alumni UMP dalam majlis pada petang ini.
2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Dr. Abdul Jalil bin Borham kerana telah sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada warga alumni UMP pada petang ini.
3. Dalam kesibukan mengelolakan Majlis Konvokesyen Ketiga Sidang Kedua dan menghadapi beberapa acara besar lain yang bakal berlangsung di UMP tidak lama lagi, Alhamdulillah, Majlis Minum Petang Alumni pada petang ini dapat juga dilaksanakan. Syabas diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta Persatuan Alumni UMP kerana telah dapat menganjurkan majlis pada petang ini.

## **UCAPAN TAHNIAH KEPADA BAKAL-BAKAL GRADUAN**

4. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Warga Alumni yang berada dalam majlis pada petang ini adalah sebahagian daripada 310 orang graduan daripada pelbagai fakulti yang akan menerima ijazah dan diploma masing-masing dalam Majlis Konvokesyen Ketiga Sidang Kedua pada hari esok. Pasti, detik Majlis Konvokesyen adalah sesuatu yang amat dinanti-nantikan sebagai kemuncak kepada pencapaian akademik warga alumni sekalian sepanjang tempoh pengajian di Universiti ini.

5. Majlis Konvokesyen yang bakal ditempuhi pada esok hari bukanlah untuk diraikan oleh para graduan semata-mata. Konvokesyen adalah suatu bentuk penghormatan dan pengiktirafan; ia juga adalah detik kejayaan, sekaligus menuntut sejuta kesyukuran daripada para graduan. Perlu diingat, memori indah dan sejarah yang bakal dilakar dalam Majlis Konvokesyen esok hari bukanlah milik kita semata-mata. Kenangkanlah juga insan-insan penting yang selama ini menyokong anda sekalian dari belakang, menyaksikan jatuh bangun kita sepanjang pengajian sehingga kini anda bakal bergelar siswazah pada esok hari.
6. Justeru, detik-detik kejayaan pada esok hari perlulah dikongsikan bersama ibu bapa, adik-beradik, sanak-saudara dan anggota keluarga serta para pensyarah dan staf yang telah membimbing dan mendidik anda sekalian selama ini. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga UMP

mengucapkan tahniah atas kejayaan bakal-bakal graduan sekalian dan berdoa agar saudara dan saudari sekalian terus mengekalkan tradisi kecemerlangan graduan UMP dalam alam kerjaya pula.

### **PERANAN BESAR GRADUAN SETELAH PINDAAN AUKU**

7. Warga Alumni sekalian,

Mulai 1 Februari 2009 ini, pindaan-pindaan terhadap Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 akan berkuatkuasa. Setelah sekian lama diperdebatkan dan dipolemikkan, baik oleh ahli-ahli akademik, aktivis mahasiswa mahupun ahli-ahli politik, AUKU yang telah berusia 38 tahun dan pernah tiga kali dipinda secara minor sebelum ini mengalami perubahan besar. Saya secara peribadi berpandangan, pindaan terkini terhadap AUKU ini membuka ruang liberalisasi yang lebih luas sektor pengajian tinggi negara, sekaligus membolehkan Insitusi-institusi Pengajian Tinggi Awam, termasuklah UMP bergerak dalam kerangka yang lebih dinamik dan lebih kompetitif. Universiti-universiti menikmati autonomi dalam perkara-perkara tertentu dan pendemokrasian governan IPTA bakal menyuburkan lagi kebebasan akademik dan suara pelajar.

8. Hakikat inilah yang perlu disedari oleh bukan sahaja warga UMP, tetapi juga para alumni sekalian. Alumni diberikan tempat yang istimewa dalam

- pindaan AUKU yang terkini ini. Satu kerusi telah diperuntukkan kepada wakil alumni untuk menjadi salah seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti atau LPU iaitu badan eksekutif tertinggi yang mengawasi secara am pengurusan dan pentadbiran UMP.
9. Perkembangan ini adalah suatu pengiktirafan kerajaan terhadap peranan warga alumni dalam membangunkan Universiti ini. Menjadi sebahagian daripada alumni UMP adalah lebih daripada sekadar bertemu dan berpacara secara bermusim sahaja. Pindaan terkini terhadap AUKU yang meletakkan wakil alumni dalam LPU ini adalah suatu cabaran kepada Persatuan Alumni UMP khasnya dan warga alumni UMP amnya untuk membuktikan komitmen mereka dalam membantu Universiti ini merealisasikan visi dan misinya.
  10. Dalam hubungan ini, Persatuan Alumni UMP yang kini dipimpin oleh Saudara Syed Mohd. Hamzah al-Junid perlulah berani untuk tampil dengan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan membina bagi manfaat kemajuan dan perkembangan Universiti ini. Pihak pengurusan Universiti sentiasa terbuka dan bersedia memberi ruang dan peluang kepada Persatuan Alumni UMP untuk bersumbangsan dan bertukar-tukar fikiran tanpa sebarang jurang. UMP adalah *alma mater* anda semua dan para *juniors* anda yang kini sedang menjalani pengajian juga akan menjadi alumni seperti anda suatu hari nanti. *So, the homecoming culture*

*and good example have to be set by our alumnus* bagi menjadikannya suatu tradisi yang berkekalan dan berkesinambungan dari satu generasi ke satu generasi alumni.

### **PERANAN SIGNIFIKAN ALUMNI**

11. Warga alumni sekalian,

William Scott, seorang alumni Columbia University di Amerika Syarikat pernah menyatakan dalam satu tulisannya bahawa *"The one thing you've got to say about Columbia is that it has courses that are famous. It has alumni who come back and say it was the best thing they ever did."*

12. Baru-baru ini, kurang seminggu yang lepas, saya dan beberapa orang pegawai UMP telah berpeluang menyertai World Universities Forum 2009 di Mumbai India dan telah dihoskan oleh *Indian Institute of Technology-Bombay* atau IITB. Saya juga telah berkesempatan melawat kampus IITB dan berdialog dengan Pengarah dan profesor-profesor IITB bagi meninjau rahsia kejayaan dan kecemerlangan IITB yang merupakan salah satu Universiti terbaik di dunia.

13. Penjanaan dana atau *fundraising* dan memiliki jaringan global yang teguh atau *strong international linkages* adalah cabaran-cabaran lazim bagi

universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian serata dunia. Dalam menangani cabaran ini, Pengarah IITB, Profesor Devang Khakhar menyatakan bahawa keteguhan kewangan dan jaringan global serta kualiti tenaga akademik IITB terletak pada kekuatan peranan yang telah dimainkan oleh alumni Institut tersebut di seluruh dunia.

14. Mendapatkan tempat untuk ke IIT yang dianggap institusi elit di India bukanlah sesuatu yang mudah. Terdapat peperiksaan kemasukan dikenali sebagai *Indian Institute of Technology Joint Entrance Examination* yang perlu diambil. Daripada 311,258 calon yang menduduki peperiksaan kemasukan tersebut pada 13 April 2008, hanya 8,652 orang sahaja diterima masuk sebagai pelajar untuk ditempatkan dalam salah satu daripada 15 kampus IIT di seluruh India.
15. Tingginya standard kemasukan yang diletakkan serta prestij yang ada pada IIT adalah faktor utama yang mendorong pelajar dan alumni institusi tersebut mempunyai *sense of belonging* yang tinggi terhadap *alma mater* mereka. Atas kesedaran itu, maka tidak hairanlah para alumni IIT bermotivasi tinggi untuk kembali membantu *alma mater* mereka dalam pelbagai cara bagi mengekalkan prestij dan kualiti tinggi institusi tersebut.
16. Sikap inilah yang perlu ada pada alumni UMP. Walaupun UMP baharu mempunyai tiga generasi alumni jika dibandingkan dengan IITB yang

telah mempunyai 47 generasi alumni, namun tradisi dan budaya alumni kembali ke kampus dan membantu Universiti ini perlulah dimulakan. Alumni UMP kini bekerja di pelbagai lapangan, sektor dan industri termasuk syarikat-syarikat multinasional, dan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun lagi alumni-alumni ini Insya-Allah akan menjadi nama-nama besar dalam bidang dan kerjaya yang mereka ceburi. Pada saat itulah kelak, tanggungjawab dan peranan anda terhadap Universiti ini akan menjadi lenih penting.

17. Justeru, Persatuan Alumni UMP perlulah berupaya menggembelng komitmen warga alumni UMP untuk mewujudkan jaringan atau *networking* yang kukuh di kalangan para alumni bagi manfaat *juniors* anda dan juga Universiti ini. Persatuan Alumni dan Majlis Perwakilan Pelajar perlu membina kerjasama dan menganjurkan pelbagai aktiviti yang mendekatkan para alumni dan *juniors* yang akan menatijahkan kemesraan hubungan dan kesinambungan tradisi yang boleh dibanggakan.
18. Saya percaya, inisiatif Persatuan Alumni UMP untuk mewujudkan Tabung Alumni Prihatin yang bakal dilancarkan sebentar lagi adalah langkah awal bagi merealisasikan hasrat yang dinyatakan tadi. Usaha ini adalah sesuatu yang amat mulia dan saya berharap dana yang dikumpulkan

untuk tabung ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya bagi membantu para alumni Universiti ini.

### **KATA PENUTUP DAN LAFAZ PERASMIAN**

19. Mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Persatuan Alumni UMP kerana telah sudi menjemput saya ke majlis pada petang ini. Saya berharap, kedua-dua pihak ini akan lebih proaktif lagi menganjurkan program-program berkualiti lain bagi manfaat para alumni dan warga Universiti ini.
  
20. Dengan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmnirrahim*, saya dengan ini merasmikan Majlis Minum Petang Alumni Bersama Naib Canselor dan melancarkan Tabung Alumni Prihatin Universiti Malaysia Pahang.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.